

AKUAN BERKANUN

Saya

(No. Kad Pengenalan:) yang beralamat di

.....
dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa saya: (potong yang tidak berkenaan)

- i. memiliki kerakyatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;
- ii. tidak memiliki kewarganegaraan asing;
- iii. tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;
- iv. tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah;
- v. tidak pernah dibuang kerja;
- vi. bukannya penagih dadah;
- vii. tidak menggunakan atau mengambil (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana ditetapkan oleh pengamal perubatan) atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya;
- viii. bukan seorang bankrap;
- ix. pernah/tidak pernah dibersarakan atas sebab kesihatan;
- x. tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam;
- xi. pernah/tidak pernah meninggalkan jawatan dalam perkhidmatan awam;
- xii. pernah/tidak pernah bersara secara pilihan dari perkhidmatan awam;
- xiii. tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib, dengan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Pihak Berkuasa Tatatertib;
- xiv. tidak pernah ditahan di bawah Peraturan-Peraturan Darurat atau mana-mana undang-undang pencegahan; dan
- xv. tidak memberi akuan palsu dan / atau, menyembunyikan apa-apa maklumat berkaitan dengan pelantikan dan perkhidmatannya.

2. Saya membuat akuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini benar serta mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh
yang tersebut namanya di atas iaitu:

(Nama))
di (alamat))
.....)
.....)
di Negeri)
pada Hari bulan Tahun)

Di hadapan saya,

.....
*Pesuruhjaya Sumpah/ Majistret/
Hakim Mahkamah Sesyen

A. PANDUAN MENGISI AKUAN BERKANUN

Calon hendaklah memotong perkataan yang tidak berkenaan dalam akuan berkanun ini. Sebagai contoh, sekiranya calon tidak memiliki kerakyatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan atau merupakan seorang bankrap semasa membuat akuan berkanun ini, calon hendaklah memotong perkataan-perkataan berikut:

- i. ~~memiliki kerakyatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan;~~
- viii. ~~bukan seorang bankrap;~~

B. PENJELASAN MENGENAI AKUAN BERKANUN

- i. **Memiliki kerakyatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan**
bermaksud warganegara Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perlembagaaan Persekutuan, dan calon atau bapa calon dilahirkan di Negeri Perak berdasarkan Enakmen Negeri Perak No.1 Tahun 1952.
- ii. **Tidak memiliki kewarganegaraan asing**
bermaksud seseorang yang tidak memiliki kewarganegaraan lain selain warganegara Malaysia.
- iii. **Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah**
bermaksud tidak pernah disabitkan atau dihukum dengan suatu kesalahan boleh daftar sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Kedua Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969.
- iv. **Tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah**
bermaksud tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah, termasuk Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan seseorang bagi sesuatu kesalahan jenayah.
- v. **Tidak pernah dibuang kerja**
bermaksud tidak pernah dibuang kerja atau disifatkan dibuang kerja melalui pewartaan dari Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
- vi. **Bukannya penagih dadah**
bermaksud bukan seseorang yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan Berdaftar sebagai penagih dadah.
- vii. **Tidak menggunakan atau mengambil (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana ditetapkan oleh pengamal perubatan) atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya**
bermaksud tidak menggunakan atau mengambil, kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menyalahgunakan suatu dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Dadah Berbahaya 1952.
- viii. **Bukan seorang bankrap**
bermaksud bukan seseorang yang diisytiharkan bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967.
- ix. **Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan**
bermaksud bukan seseorang yang telah dibersarakan atas sebab kesihatan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 atau Akta Angkatan Tentera 1972.
- x. **Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam**
bermaksud tidak pernah ditamatkan perkhidmatan di bawah Perintah Am Bab A (Lantikan dan Kenaikan Pangkat) 1973 atau Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 atau Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 atau Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Perak (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2013.
- xi. **Tidak pernah meninggalkan jawatan dalam perkhidmatan awam**
bermaksud bukan seseorang yang meninggalkan jawatan TANPA melalui peletakan jawatan atau pelepasan jawatan mengikut peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa dalam mana-mana Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Kerajaan.
- xii. **Tidak bersara secara pilihan dari perkhidmatan awam**
bermaksud bukan seseorang yang telah bersara pilihan daripada perkhidmatan awam di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.
- xiii. **Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib, dengan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Pihak Berkuasa Tatatertib**
Bermaksud bukan seseorang yang pernah dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tatatertib.
- xiv. **Tidak pernah ditahan di bawah Peraturan-Peraturan Darurat atau mana-mana undang-undang pencegahan**
bermaksud bukan seseorang yang pernah ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) (No.5) 1969 atau Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] atau Akta Dadah Berbahaya (LangkahLangkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316].
- xv. **Tidak memberi akuan palsu dan / atau menyembunyikan apa-apa maklumat berkaitan dengan pelantikan dan perkhidmatannya.**
bermaksud bukan seseorang yang telah mengemukakan apa-apa akuan yang tidak benar dan / atau menyembunyikan apa-apa maklumat yang boleh memberi kesan kepada pelantikan dan perkhidmatan calon.